

28 AUG 1997

COOK KUNJUNG MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Setiausaha Luar Britain Robin Cook petang ini mengunjung hormat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Pada pertemuan 30 minit itu, mereka membincangkan pelbagai perkara berkepentingan bersama termasuk mencari jalan untuk mengukuh persahabatan baik dan mesra antara kedua-dua negara.

Cook, yang melakukan lawatan dua hari, sebelum ini mengadakan perbincangan dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi.

Cook berlepas ke Jakarta petang ini untuk meneruskan lawatannya ke Indonesia, Filipina dan Singapura. -- BERNAMA

ZAB AHH